

3 murid, pemandu cedera bas dua tingkat langgar treler

KEMAMAN - Keriangan 61 murid dan guru mengadakan lawatan sambil belajar ke sebuah universiti tidak berpanjangan apabila bas yang mereka naiki terbabit dalam satu kemalangan di Kilometer 292.2 Lebuh Raya Pantai Timur 2 (LPT2) berhampiran Hentian Sebelah Kijal di sini awal pagi semalam.

Insiden pada pukul 2.15 pagi itu menyebabkan tiga murid dilaporkan cedera di mana salah seorang daripadanya parah manakala pemandu bas berkenan juga mengalami kecederaan.

Bas persiaran terbabit membawa 54 pelajar dari Sekolah Menengah Islam

Hira' Jeram, Kuala Selangor bersama tujuh guru pengiring dan dikatakan dalam perjalanan mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Zainal Abidin (UniZa), Kuala Terengganu.

Jarak antara sekolah berkenaan dengan UniZa ialah kira-kira 500 kilometer.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Mohd. Said Ibrahim berkata, setibanya di tempat kejadian, bas persiaran dua tingkat berkenaan merempuh belakang sebuah treler yang sarat dengan muatan kayu yang dalam perjalanan dari Kuantan ke Kuala Terengganu.

"Kami tidak menolak ke-

mungkinan bas berkenaan dipandu laju sehingga pemandunya tidak sedar akan kehadiran treler yang dipandu perlahan di laluan kiri lebuh raya," katanya di sini semalam.

Tambahnya, ketika kejadian, kesemua pelajar dan guru terbabit sedang tidur dan impak dari rempuhan tersebut menyebabkan beberapa pelajar tercampak dari tempat duduk mereka.

Menurutnya, sepasukan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Kerteh dan Paka yang tiba tidak lama kemudian berjaya mengeluarkan pemandu bas yang tersepit berkenaan.



KEADAAN bas persiaran dua tingkat pembawa 61 murid dan guru yang terbabit dalam satu kemalangan di Kilometer 292.2 Lebuh Raya Pantai Timur 2, Kemaman semalam.